

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA  
[ PARIT BUNTAR ]**

**SOALAN :**

**YB Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [ Parit Buntar ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jawatan baru perkhidmatan awam mulai 2010-2014 dan berapakah yang berstatus tetap dan kontrak.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sentiasa melaksanakan kajian perjawatan di agensi Kerajaan supaya setiap agensi dapat melaksanakan fungsi dengan lebih berkesan dan mengikut keperluan semasa.

Pada tahun 2010 hingga 2012, tiada pertambahan jawatan baharu. Ini selaras dengan arahan pemansuhan jawatan kosong yang dikeluarkan oleh JPA pada tahun 2010. Pada tempoh tersebut, jawatan baharu hanya diwujudkan secara tukar ganti dengan jawatan kosong.

Sementara itu, sebanyak 70,613 jawatan baharu diwujudkan pada tahun 2013 dan 2014. Tujuan pewujudan jawatan baharu ini ialah bagi menampung keperluan perjawatan khususnya di sektor strategik iaitu sektor keselamatan, kesihatan dan pendidikan.

Sekian. Terima kasih.